



DRAMA MELAYU

BENTUK DAN GENRE KESUSASTERAAN MELAYU



GENRE KESUSASTERAAN MELAYU MODEN



Definisi Drama

- Drama berasal dari bahasa Greek; dari kata kerja *dran* yang berarti berbuat, atau *to act* atau *to do* (Morris 1964:476).
- Dari segi makna khusus mengutamakan perbuatan, gerak yang merupakan elemen yang bersifat drama.
- Drama adalah hidup yang ditampilkan melalui gerak (Moulton:1989).
- Drama adalah kesenian melukis sifat dan sikap manusia dengan gerak (Slametmuljana:1957).

- Drama dalam *Webster New Collegiate Dictionary* bermaksud drama sebagai satu karangan dalam prosa atau puisi yang memotretkan kehidupan atau tokoh dengan bantuan dialog atau gerak yang direncanakan.
- Drama dalam *Dictionary of World Literature*"; drama mencakup setiap jenis pertunjukan tiruan perbuatan, mulai dari produksi, komidi, pantomin ataupun upacara keagamaan.
- Drama hanyalah merupakan lakon yang dapat diperguna sebagai alat manusia untuk melakonkan tokoh-tokoh tertentu di hadapan kelompok teman mereka.
- Drama merupakan cabang seni sastra yang mempunyai hubungan yang rapat dengan masyarakat.

- Drama satu cabang seni sastra (SASTERA)
- Drama mementingkan dialog, gerak atau perbuatan .
- Drama memerlukan ruang, waktu atau audiens.
- Drama adalah satu lakon (aksi).
- Drama adalah satu seni yang menggarap lokon-lakon mulai sejak penulisan skrip hinggalah pementasan.
- Drama adalah sejumlah kejadian yang memikat dan menarik hati; menimbulkan kesan emosi.

Rumusan

- **D** – dialog
- **R** – ruang
- **A** - Art (seni sastra-susastera, akaliah, seni bahasa, tersurat & tersirat, estetika, realiti dan alat pelepasan perasaan).
- **M** – manifestasi kehidupan
- **A** – aksi

Unsur-Unsur Drama

- Alur – Plot
- Penokohan / watak
- Dialog
- Aneka eleman kesusasteraan

Alor / Plot

- Satu lakon harus bergerak dari satu permulaan (*beginning*) melalui satu pertengahan (middle) menuju akhiran (ending). Dalam drama istilah ini dikenali sebagai **eksposisi**, **komplikasi** dan **resolusi**.

- **Eksposisi** – satu lakonan menjadi dasar untuk mengarah kepada gerak/aksi; dalam masalah waktu dan tempat. Eksposisi memperkenalkan pelakon kepada khalayak yang akan dikembangkan dalam bahagian utama lakonan itu.
- **Komplikasi** – bertugas mengembangkan konflik. Pelakon utama menemui gangguan, halangan dalam mencapai tujuan. Dalam bahagian ini kita dapat mempelajari dan meneliti personaliti watak yang diutarakan. Perubahan dalam watak dimunculkan secara terancang dan terurus.

- **Resolusi** –Berlangsung secara logik dan mempunyai hubungan yang mendahului seperti dalam komplikasi. Hubungan yang memisahkan antara komplikasi dan resolusi disebut klimaks atau '*turning point*'.
- Pada klimaks wujudnya perubahan penting watak yang dipaparkan.
- Klimaks juga menentukan kepuasan khalayak. Satu pementasan boleh berakhir dengan kegembiraan atau kesedihan.

Penokohan /Watak

Antara jenis watak dalam drama

- Tokoh yang kontras dengan tokoh lain. Ia mungkin merupakan watak sampingan sahaja tetapi penting untuk menghidupkan jalan cerita.
- Tokoh yang dapat berperanan dengan tepat dan tangkas. Dapat berperanan dalam pelbagai situasi, sama ada sebagai orang kampung atau berkedudukan. Bersifat luar biasa dan menarik hati.

- Tokoh statik ; yang tetap sahaja keadaannya baik pada awal mahupun pada akhir satu lakonan. Tokoh ini tidak mengalami perubahan.
- Tokoh yang mengalami perkembangan.



Dialog

- Dialog harus dapat mempertinggi nilai gerak. Dialog hendaklah diperguna untuk mencerminkan apa-apa yang terjadi selama pementasan yang dapat mencerminkan fikiran dan perasaan watak-watak dalam lakonan itu.
- Dialog harus baik dan bernilai tinggi. Dialog perlu terarah dan teratur.

Sejarah Drama

- Perkembangan awal pementasan drama di Malaysia ada pertalian erat dengan pertumbuhan drama pentas di Greek, Mesir, India, China, Jepun atau Indonesia.
- Memasukkan unsur-unsur dan amalan *ritual* iaitu kepercayaan kepada amalan nenek moyang yang bersifat animisme; kepercayaan terhadap alam sekeliling yang dianggap mempunyai kuasa-kuasa tertentu.

- Kepercayaan animisme dihubungkan dengan pemikiran manusia purba dengan melihat fenomena alam sekeliling seperti hujan ribut, banjir dan kemarau yang menjurus kepada penyembahan dan pemujaan.
- Amalan ini dianggapkan mampu dan boleh mengubah nasib mereka. Melalui upacara `penjamuaan' terhadap roh-roh, dikatakan mampu membangkitkan rasa kekuasaan.
- Kemunculan drama ada pertaliannya dengan keagamaan (Francis Edward;1976). Di Mesir Tua misalnya ada upacara keagamaan yang berbentuk tarian dan lakonan. Di Malaysia -main pantai, puja pantai, main puteri yang memperlihatkan unsur animisme (Mana Sikana;1991).

- Tradisi main pantai yang telah dipraktikkan sejak 200-300 tahun dahulu diadakan selepas musim menuai padi bertujuan supaya padi akan menjadi.
- Upacara tersebut dimulai dengan jampi serapah, makan sirih lalu diikuti dengan istiadat berararak, bersanding, menyanyi dan menari dengan iringan muzik dombak, gong dan rebana.
- *Main Puteri* - satu aktiviti perubatan yang dipenuhi dengan dialog-dialog perbomohan, nyanyian dan tarian dan diikutsertakan dengan cerita-cerita dan lakonan yang secara miripan memiliki ciri-ciri sebuah drama.

- Berasaskan aktiviti keagamaan itu telah mengarah kepada penciptaan drama tradisional.
- Fungsi aktiviti tersebut juga berubah daripada persembahan untuk *supernatural* berfungsi pula sebagai hiburan.
- Walaupun fungsinya sudah berubah namun kegiatan tersebut belum berhasil membentuk drama tradisional yang baru.
- Kegiatan Main Puteri dan lain-lain kegiatan wujud seperti seadanya. Kegiatan ritualisme itu sekadar menjadi akar landasan bagi membentuk drama tradisional yang lebih bersifat dramatik.

- *Wayang Kulit* wujudan sekitar abad ke-13 dan ke-14 yang dikatakan berasal dari Jawa.
- Merupakan drama tulen Indonesia yang dikesan kewujudannya sejak kurun pertama sebelum masihi.
- Terdapat juga sejenis wayang kulit dari Thailand yang dinamai wayang kulit Siam. Bentuk drama ini telah mendapat sambutan yang menggalakan daripada rakyat jelata sebagai satu sumber hiburan yang cukup memberi kesan.

- Namun, dalam abad ke-18 telah muncul pula sebuah drama dari Thailand yang khalayaknya daripada golongan bangsawan yang dikenali sebagai Makyung.
- Ia bukan sebagai wayang kulit yang dihidupkan oleh dalang tetapi manusia sendiri yang bertindak sebagai pelakon dan melakonkannya.
- Makyung sudah memiliki ciri-ciri pendramaan yang terungkapnya cerita, lakonan dan tarian walaupun sebaran khalayaknya berkisar di Kelantan sahaja disebabkan faktor bentuk dan bahasa tempatan yang mendominasi kewujudan ciri-cirinya.

- Drama tradisional Melayu lebih cenderung dan bercorak tempatan seperti boria di Pulau Pinang yang mengandungi tarian dan lakonan yang bermotif masyarakat pada peringkat awal sebelum disampaikan nyanyian.
- Di Negeri Sembilan pula ditemui randai yang terkandungnya lakonan dan cerita.
- Di Johor terkenal dengan kuda kepong yang memperlihatkan jampi serapah dan gerak gerinya melambangkan pendramaan.
- Di Perak terdapat pula Dabus yang seakan-akan kuda kepong tetapi mengandungi unsur-unsur teater.

- Secara jelas dapat dilihat bahawa drama-drama Melayu tradisional menampakkan hubungan dengan sikap dan sistem kemasyarakatan.
- Lantaran itu ruang dan horizon penyebarannya sekadar berkisar dalam daerah tempatan juga.
- Hanya pada abad ke-19 dilihat sebagai satu titik mula dalam drama Melayu merobah lingkaran persempadanan keseluruhan negara.

Drama Bangsawan

- Kemunculan drama bangsawan dikatakan berasal dari benua kecil India.
- Pada 1870 datang rombongan dari India yang dikenali sebagai "*Rombongan Wayang Parsi*" atau "**Mandu**" yang anggotanya terdiri daripada lelaki dan perempuan dan persembahannya menggabungkan unsur lakonan, nyanyian dan tarian.
- Tema yang dipilih pula berkisar mengenai cerita-cerita fantasi, pengembaraan ke alam khayal manakala tujuan persembahannya ialah sebagai hiburan.

- Persembahan tersebut jelas mendapat sambutan luar biasa kerana kelainan yang ditunjukkan.
- Ini mendorong Syed Abdul Rahman al-Masyhor menubuhkan kumpulan yang pada awal pembabitannya tertumpu kepada nyanyian dan tarian tetapi kemudiannya berubah kepada bentuk kumpulan drama.
- Bertitik tolak dari sinilah bermulanya sejarah pertumbuhan bangsawan.

- Ada lima tahap sejarah pertumbuhan bangsawan iaitu:
- i. 1870-1884 – tahap pengenalan drama India ke alam Melayu
- ii. 1885-1902 – zaman permulaan pertapakan bangsawan
- iii. 1902 –1935 zaman kecemerlangan- wujud pembaharuan dengan memasukkan unsur barat misalnya drama Shakespeare.
- iv. 1936- 1945 zaman kemerosotan terutama zaman pemerintahan Jepun
- v. Tahun-tahun selepas itu sebagai zaman kemalapan atau kegelapan.